



ENCIK Ahmad Syahbirin Mampirare seorang pengurus dan pemilik sebuah syarikat sedang menyampaikan ceremahnya.

14 alumni UMS ambil bahagian Program Bersama Alumni Anda

NST 8.9.2016 4

KOTA KINABALU: Sebanyak 14 alumni dari setiap fakulti di Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil bahagian dalam Program Bersama Alumni Anda sempena Minggu Suai Mesra (MSM) Sesi 2016/2017 baru-baru ini.

Pengarah Pusat Alumni UMS, Mohd Raffie Hj Janau berkata, program itu bertujuan sebagai medan perkongsian para alumni yang telah berjaya dalam bidang masing-masing untuk berkongsi pengalaman ketika bergelar sebagai mahasiswa UMS dahulu.

"Alumni yang dijemput itu terdiri daripada usahawan, jurutera, pengurus sumber manusia, timbalan pengarah, ahli geologi, pensyarah, pengurus kualiti makanan dan yang berkaitan dengan fakulti masing-masing.

"Menerusi usaha ini, para alumni memberi suntikan semangat kepada pelajar baharu agar tidak mensia-siakan peluang yang ada dan fokus dalam menamatkan pengajian dengan jayanya sekali gus meraih segulung ijazah,"

katanya dalam kenyataan hari ini.

Program itu merupakan acara tahunan anjuran Pusat Alumni yang telah dimulakan pada MSM sesi 2015/2016.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Ismail Ali turut menyatakan sokongan penuh ke atas aktiviti anjuran Pusat Alumni dan berbangga dengan kejayaan alumni-alumni UMS.

"Mereka juga telah berkongsi idea dan memberi nasihat kepada pelajar baharu mengenai prospek kerjaya selepas menamatkan pengajian dengan mengaitkan kursus serta kurikulum yang diajar di universiti yang boleh diaplikasikan di alam pekerjaan," katanya.

Untuk rekod, Pusat Alumni mengambil pendekatan itu bagi menanam rasa kepunyaan (sense of belonging) dalam kalangan pelajar kepada alma mater bermula hari pertama menjejaskan kaki di UMS dan bukannya hanya dijejaki setelah mereka bergelar alumni.